

Inap desa beri impak luar biasa

Selain meraikan pelawat, turut buka peluang produk lokal terokai pasaran luar negara

KUALA KUBU BHARU - Perkampungan selama empat hari 80 peserta Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu dari 75 negara di tanah rancangan Felda Sungai Tenggi diyakini memberi impak luar biasa bukan saja kepada peserta semata-mata, malah buat warga peneroka juga.

Pengarah Seranta Felda, Mohamad Khairuddin Mohamad berkata, kesemua peserta Program Inap Desa didedahkan dengan realiti sebenar kehidupan masyarakat di kawasan Felda yang turut menggambarkan kehidupan tradisi masyarakat Malaysia.

"Sebenarnya perdana menteri nak tunjukkan bahawa masyarakat Felda ini sebagai contoh kampung luar bandar terbaik dalam dunia. Jadi dengan kepelbagaian budaya apatah lagi tradisi masyarakat Melayu terkenal dengan kesopanan dan adat istiadat, jadi mereka dapat alami sendiri pengalaman itu selain dapat berkomunikasi dalam bahasa Melayu," katanya.

Menurutnya, program julung kali diadakan ini dapat membuka ruang kepada pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS) dalam Felda menyebarkan pasaran jualan produk masing-masing ke seluruh negara.

"75 wakil negara ini, apabila mereka balik boleh bercerita dan bawa balik produk ini ke negara mereka. Mana tahu, ada rezeki yang bagus mereka boleh eksport, itu pada sudut ekonomi.

"Dari sudut pendidikan pula, anak orang kampung dan peneroka sendiri dapat berkomunikasi dan berkongsi maklumat dengan wakil negara dunia yang seolah-olah duta kecil negara masing-masing. Maknanya, dapat beri motivasi kepada orang kampung dan memajukan semangat mereka di sini," katanya.

Seronok dapat anak angkat

Menurut peneroka yang menjadi ibu angkat, Martini Hussin, 56, pengalaman dilalui sangat menyeronokkan kerana berpeluang menjaga anak-



Mohamad Khairuddin (empat, kiri) bersama sebahagian peserta inap desa melambai sebelum bertolak pulang.



Merasai pengalaman menjadi raja sehari mengikut adat tradisi masyarakat Melayu.

anak daripada berlainan negara dan budaya.

"Seronok dapat anak angkat dari luar negara. Saya dapat anak-anak angkat daripada Guatemala, China dan Bosnia. Mereka ramah dan mesra, pandai cakap Melayu jadi kita senang nak berinteraksi. Tapi sesekali kita sendiri pun kena berbahasa Inggeris juga. Selain tu mereka suka makanan kampung dan pedas. Apa yang kita makan, mereka pun teringin nak cuba," katanya.

Bercerita lanjut, anak-anak angkatnya teruja kehidupan kampung malah berasa hairan ayam.

"Apa yang mereka nampak di sini memang tak pernah nampak di tempat mereka," katanya.

“ Kalau ada kesempatan nak datang ke sini semula. Antara yang tak dapat dilupakan adalah permainan wau dan amalan gotong-royong buat makanan seperti kerabu.” - Maria Mitsura

dia tidak pernah merasai kehidupan kampung dan budaya sebenar masyarakat Malaysia.

"Sepanjang belajar di Usim saya tinggal dengan pelajar saja. Tapi di sini pengalaman cukup baik sebab merasai suasana kampung. Pertemuan hari pertama di sini, dah dapat belajar main kompang dan sepak takraw," katanya sambil memberitahu dia suka budu yang dimasak ibu angkatnya dan bercadang membawa makanan tradisi itu ke negaranya.

Miriam Karrar, 26, dari Jerman pula seronok merasai pengalaman menunggang motosikal mengelilingi kampung.

"Ia sangat seronok! Ibu angkat memang baik hati dan selalu sediakan pelbagai makanan. Pengalaman paling seronok dapat naik motor jalan pusing-pusing kampung. Di tempat saya memang ada motor tapi berbeza suasananya dan tak ramai orang naik motor. Di sini ramai orang naik motor dan jalan beramai-ramai, suasa-

na alam sekitarnya nyaman dan sejuk," katanya.

Sementara itu, Maria Mitsura, 21, daripada Moscow, menyimpan hasrat datang semula ke Malaysia kerana rindukan suasana dan keramahan penduduk kampung.

"Kalau ada kesempatan nak datang ke sini semula. Antara yang tak dapat dilupakan adalah permainan wau dan amalan gotong-royong buat makanan seperti kerabu," katanya.

Tak lengkap kalau tak pedas

Akrumuf Syukrat, 28, dari Tajikistan berkata, sungguhpun dia pernah mengikuti program inap desa di negaranya namun pengalaman di Felda Sungai Tenggi sangat berbeza.

"Di sini pengalaman sangat menarik kerana tak pernah ikut program-program inap desa seperti ini selain Malaysia. Pengalaman tinggal di dalam satu rumah dengan orang-orang baharu dikenali sangat seronok. Lagipun, makanan semuanya sedap-sedap," katanya.

Katanya, sebelum ini dia yang tidak biasa dengan makanan pedas, namun setelah mengikuti program ini, selernya tidak lengkap jika masakan tidak pedas.

Sambil mengenali budaya masyarakat desa Malaysia, Akramuf turut mengintai peluang sekiranya dapat menjadi pemasar produk Malaysia di negaranya sendiri.

"Saya akan lihat peluang dan kalau ada peluang mahu jadi pengimport produk Malaysia untuk dijual di negara saya. Sebab di sana banyak permintaan produk Malaysia seperti keropok, kraftangan termasuk makanan seperti rendang dan sambal pedas-pedas," katanya.



Peserta teruja diperkenalkan dengan permainan wau.

